

01/11/1997

## Retinol kurangkan kedutan

RETINOL dikenal pasti sebagai teknologi baru dalam bidang kecantikan penjagaan kulit berikutan ia berkesan untuk mengurangkan kemunculan garisan dan kedutan pada kulit. Ia juga dikatakan berkesan terhadap pengawalan pigmentasi, tompok perang dan hitam pada kulit.

Pengurus Sokongan Pemasaran Global Avon Products Inc, Tony Hatori berkata retinol adalah evolusi teknologi penjagaan kulit yang mampu memperlambatkan ketuaan secara keseluruhan kepada manusia.

"Evolusi baru itu sudah diuji dan disahkan keberkesanannya. Individu yang menggunakan sumber barangan penjagaan kecantikan yang mengandungi retinol dapat melihat kesan perubahan dalam tempoh dua minggu. Selepas dua minggu, perubahan tekstur kulit dapat dilihat perbezaan sebanyak 30 peratus.

"Ia turut menghilangkan garisan halus pada kulit dan kedutan. Bagi individu yang menghadapi masalah tonasi warna kulit yang tidak setara akan mendapati tonasi kulit lebih rata. Penggunaan retinol selepas empat minggu pula didapati tekstur kulit kelihatan lebih baik sebanyak 60 peratus. Kulit juga menjadi lebih tegang sebanyak 40 peratus di samping hilang kesan tompok perang," katanya ketika memberi ceramah mengenai 'Teknologi Penjagaan Kulit' di hotel terkemuka, baru-baru ini.

Beliau berkata, sebelum ini masyarakat terdedah terhadap penggunaan asid alfa hidroksi (AHA) yang diperolehi daripada asid buah-buahan tetapi teknologi baru mendapati sumber retinol adalah lebih baik.

Katanya, sehingga 1995, banyak barangan penjagaan kulit dihasilkan termasuk pembersih, penyegar dan pelembap yang biasanya untuk kulit berjerawat.

"Malah, saingan juga lebih ditumpukan pada bahan pelembap yang berkesan. Ia termasuk yang menggunakan sumber semula jadi, collagen atau asid hyaluronik. Ini adalah kerana kehilangan air di antara kulit menggalakkan proses penuaan. Kulit dikenalpasti mengeluarkan faktor kelembapan semula jadi atau NMF yang juga diketahui sebagai teori anti-penuaan.

Jika kulit individu mempunyai tahap NMF lebih 20 peratus bermakna mereka memiliki kulit berminyak dan jika ia kurang 20 peratus, mereka mempunyai kulit kering.

"Kelembapan amat penting untuk kulit untuk mengawal ia daripada serangan bahaya persekitaran seperti angin, udara kering dan ultra lembayung. Berikutan itu, kemajuan dalam teknologi membolehkan pembentukan barangan yang lebih berkesan," katanya.

Beliau berkata, penggunaan AHA dalam barangan kecantikan adalah kerana ia berfungsi untuk membentuk collagen baru dan menghindarkan sel kulit yang sudah mati.

Bagaimanapun, beliau mengakui kebanyakan barangan penjagaan kulit hanya menggunakan 30 peratus AHA sebaliknya untuk mendapatkan kulit yang cantik memerlukan 80 peratus AHA.

Menurut Hatori, perubahan teknologi bermula dari AHA kepada enzim untuk optimumkan kebaikan di samping mengurangkan kesan sampingan. Ideanya adalah untuk menggiatkan dan atau melemahkan spesifik enzim.

Katanya, kehadiran collagen dalam kulit penting untuk mengekalkan kulit muda. Bagaimanapun, collagen berkurangan apabila usia meningkat 30 tahun.

"Sehubungan itu, Avon sekali lagi menggegarkan industri kecantikan apabila mengeluarkan barangan baru iaitu Anew Retinol Recovery Complex PM Treatment. Ia menggunakan sistem microsponge yang memastikan retinol

dilepaskan kepada kulit secara perlahan-lahan. Retinol Vitamin A terbukti memperbaiki penampilan kesan ketuaan. Kini, Avon memperkenalkan barangan rawatan dengan jumlah kepekatan retinol paling optimum keberkesanan dan kelembutannya.

"Penggunaannya pada waktu malam menyempurna dan melengkapkan proses penjagaan kulit siang hari iaitu membersihkan diikuti dengan tindakan lembut pembuangan sel kulit mati," katanya.

Beliau berkata, ia mengandungi krim emollient yang merangkumi beribu mikroskopik, porous dan span spherical yang melepaskan retinol yang mantap, aktif dan asli dari vitamin A.

Anew Retinol Recovery Complex boleh didapati melalui wakil Avon dan butik kecantikan di seluruh negara pada harga RM59.90 bagi setiap tiub isian 30ml.

(END)